

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Di akhir kajian ini, penulis akan menarik beberapa poin-poin sebagai kesimpulan atas huraian-huraian yang telah dikemukakan. Di samping itu, penulis ingin mengajukan beberapa cadangan yang dianggap perlu demi kesempurnaan penulisan kajian ini.

5.1 Kesimpulan

5.1.1 Metode Fatwa Politik al-Qaraḍāwī

Al-Qaraḍāwī merupakan seorang tokoh ulama kontemporari yang banyak membahas persoalan semasa yang berlaku dalam dunia Islam. Menurutnya, perubahan lingkungan sosial masyarakat menuntut adanya sebuah pembaharuan hukum fiqh, kerana jika hukum lama dikuat kuasa pada zaman yang telah berubah, maka akan menimbulkan masalah dan kesulitan. Dengan alasan tersebut, beliau menyerukan umat Islam supaya kembali kepada gerakan ijtihad. Bahkan beliau telah mengambil bahagian dalam merumuskan langkah-langkah ijtihad yang lebih realistik, jelas, tegas, terarah dan argumentatif. Selain itu beliau turut tampil menjawab aneka masalah yang muncul di zaman ini melalui fatwa-fatwa kontemporarinya.

Kenyataan di atas dapat dibuktikan oleh peranan beliau yang gigih dalam menjelaskan isu kontemporari termasuklah pembahasan mengenai politik umat Islam semasa yang merupakan isu yang hangat untuk dibincangkan pada masa kini dan

memerlukan panduan syari'ah yang jelas. Beliau mencurahkan beberapa pemikiran politik kedalam buku-buku yang beliau tulis, antaranya; "*Min Fiqh al- Dawlah fī al-Islām*", "*al-Siyāsah al-Syar'iyah fī Daw al-Nuṣūṣ al-Syarī'ah wa Maqāṣidihā*" dan juga kitab "*Al-Dīn wa al-Siyāsah ta'ṣīl wa radd al-Syubhah*".

Dalam menjelaskan fatwa-fatwa berkaitan dengan politik, al-Qaraḍāwī mempunyai pendekatan fiqh yang khusus. Pendekatan fiqh yang dimaksud adalah; mempertimbangkan antara *naṣ* dan *al-Maqāṣid*, mempertimbangkan antara *maṣlahah* dan *mafsadah*, mempertimbangkan antara *naṣ* dan realiti semasa, dan mempertimbangkan perubahan fatwa. Menurutnya, formula dan kaedah fatwa yang disajikan beliau adalah berdasarkan pada pengalaman dan kajian yang sudah lama. Kajian tersebut bersumber dari; pertama, bahan-bahan bacaan dan kitab-kitab yang berbagai-bagai dari seluruh aliran mazhab fiqh, dan kedua pembacaan realiti kehidupan masyarakat dan keadaan zaman sekarang. Kedua sumber tersebut telah beliau jadikan panduan dalam mencari jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah dan kemusykilan-kemusykilan kontemporari yang dihadapi oleh kaum muslimin.

Pendekatan fiqh inilah yang menjadikan al-Qaraḍāwī diterima fatwa dan pemikirannya oleh berbagai pihak. Kenyataan tersebut dibuktikan oleh banyaknya permintaan kaum muslimin dari pelbagai komuniti seperti muslim Amerika, Eropah dan Asia. Mereka meminta pandangan al-Qaraḍāwī terhadap persoalan semasa yang mereka alami. Kemudian permintaan tersebut diterima oleh beliau dengan penjelasan yang lengkap dan terperinci, sehingga lahirlah beberapa buku yang dikhususkan untuk memenuhi permintaan tersebut, seperti buku *Nahnu wa al-Gharb, Nahwa fiqh*

muyassar mu'āṣir, Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmi, al-'Aqalliyyah al-Dīniyyah wa al-Hal al-Islām.

5.1.2 Metode Fatwa Dewan Syari'ah Pusat PKS

Sebagai parti Islam, PKS merasa perlu memiliki sebuah lembaga yang khusus membahas panduan syari'ah terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik. Untuk itu PKS mendirikan sebuah lembaga dinamakan Dewan Syari'ah Pusat DSP dengan tujuan untuk memberikan landasan syar'i dan mengawasi aktiviti parti dari sudut syari'ah agar tidak bercanggah dari hukum-hakam Islam. Selain itu, DSP juga berupaya untuk menjadi rujukan umat Islam di Indonesia yang mampu menjawab setiap masalah umat Islam.

Secara personal, para ulama DSP boleh dikatakan telah memiliki kepakaran dalam bidang fiqh, tafsir dan akidah, ini dibuktikan dengan latar belakang pendidikan mereka yang merupakan golongan akademik dan telah menempuh pengajian hingga tingkat sarjana Doktoral dan sebahagian besar di antara mereka adalah graduan dari Universiti di Timur Tengah. Adapun dalam kaedah fatwa, Dewan Syari'ah Pusat PKS telah memiliki sebuah gaya pendekatan fatwa tersendiri yang mereka namakan dengan *Ittijāh* Dewan Syari'ah Pusat PKS sebagai rujukan syari'ah. Kaedah tersebut diupayakan agar dapat menyesuaikan konteks ke-Indonesia-an dan ke-kini-an, ini pula disokong oleh latar belakang ulama DSP samada pendidikan, kepakaran bidang, aliran fiqh, dan mazhab. Mereka bersinergi untuk membuat metodologi fatwa yang mampu menampung segala bentuk permasalahan yang mampu diselesaikan secara komprehensif dan menjadi sumber hukum dalam berfatwa.

Para ulama DSP berusaha saling *tanāzul* antara satu sama lain, masing-masing mereka tidak akan memaksakan mazhab fiqh tertentu dalam memutuskan fatwa dengan alasan taksub kepada salah satu ulama dan mazhab, akan tetapi sikap saling menghormati di antara ulama DSP menjadikan pertimbangan utama fatwa DSP bukan hanya untuk kepentingan kelompok tertentu atau pertimbangan mazhab tertentu, justeru yang menjadi pertimbangan adalah *maṣlahah* yang paling besar bagi umat. Sehingga fatwa DSP memiliki ciri yang berbeza dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh NU, Muhammadiyah, dan Persis, baik dari segi kaedah pengambilan fatwa, penyajian dan kandungannya.

Kaedah yang digunapakai oleh DSP dalam mengeluarkan fatwa adalah; Pengambilkiraan mazhab empat dan mazhab lainnya dalam kalangan ahli ilmu serta memilih mana-mana dalil yang sahih dan jelas maṣlahahnya, Mengetahui situasi semasa dan meraikan kemudahan, Wajib meraikan pendekatan *wasāṭiyyah* (kesederhanaan), dan Wajib meraikan *maqāṣid al-Syarī'ah* dan menjauhi hillah yang ditegah demi merealisasikan *maqāṣid*. Dalam pembahasan isu politik seperti; isu wanita menjadi ahli parlimen, menteri, dan ketua daerah atau dalam membahar isu keterlibatan non muslim yang menjadi ahli parlimen dari PKS dan menjadi salah satu pengerusi PKS, juga dalam membahar isu demokrasi mengikut persepsi Islam, DSP selalu menggunakan kaedah fatwa tersebut dalam menjelaskan persoalan-persoalan ini.

5.1.3 Pengaruh Fatwa al-Qaraḍāwī terhadap Fatwa Politik DSP PKS

Setelah melalui kajian dan analisa dari pelbagai fakta dan data, pengaruh fatwa al-Qaraḍāwī terhadap fatwa politik DSP PKS dapat dibuktikan dengan kenyataan berikut;

- i. Kedua-duanya menggunakan metode fatwa yang sama, antaranya; Merujuk kepada *maṣādir asasiyyah* kemudian merujuk kepada mazhab empat dan mazhab lainnya dalam kalangan ahli ilmu serta memilih mana-mana dalil yang sahih dan jelas maṣlahahnya. Memperhatikan situasi semasa (wāqi') dan memperhatikan aspek kemudahan (taysīr), Meraikan pendekatan *wasatiyyah* (kesederhanaan), dan meraikan *maqāṣid al-Syari'ah* dan menjauhi hilla yang ditegah demi merealisasikan *maqāṣid*.
- ii. Hasil temu bual penulis dengan ahli DSP PKS yang menyebutkan secara jelas bahawa fatwa politik DSP terpengaruh oleh metode fatwa al-Qaraḍāwī. Kenyataan ini dapat dilihat pada halaman 161 dan halaman 189.
- iii. Hasil fatwa politik DSP kebanyakannya bersesuaian dengan fatwa politik al-Qaraḍāwī, meskipun ketika penulis cuba menanyakan hal ini, pihak DSP mengatakan bahawa mereka tidak bermaksud mengambil 100% fatwa beliau secara keseluruhan dan sama, akan

tetapi menurut DSP, kesamaan fatwa seperti ini disebabkan kerana dasar pengambilan hukum yang digunakannya adalah sama. Kenyataan ini dapat dilihat pada halaman 161 dan halaman 189.

Bukti wujudnya pengaruh fatwa politik al-Qaraḍāwī dan fatwa politik DSP juga semakin dikuatkan dengan contoh-contoh kesamaan fatwa sebagai berikut;

- i. Dalam membahas isu demokrasi dan parti politik, PKS dan al-Qaraḍāwī mempunyai sikap yang sama iaitu memasukkan isu ini ke dalam bab ijihad. Pendekatan fiqh yang digunakan oleh DSP PKS dalam membahas isu ini merujuk kepada pendekatan fiqh al-Qaraḍāwī iaitu mempertimbangkan antara *naṣ* dan *al-Maqāṣid*.
- ii. Dalam membahas keterlibatan wanita dalam politik, PKS dan al-Qaraḍāwī memiliki fatwa yang sama, iaitu membolehkan wanita bekerja di medan politik dengan memandang batasan-batasan tertentu. Dalam bab ini DSP PKS pun menggunakan pendekatan fiqh al-Qaraḍāwī iaitu mempertimbangkan antara *maṣlahah* dan *mafsadah*.
- iii. Dalam membahas konsep negara Islam, al-Qaraḍāwī telah meletakkan substansi sebuah negara Islam, kemudian PKS berusaha menerjemahkan konsep itu dalam konteks ke-Indonesiaan dengan memperhatikan pendekatan *fiqh al-Wāqi'*.
- iv. Pemikiran politik Yusuf al-Qaraḍāwī boleh diterima dan sesuai dengan keadaan Indonesia yang berbilang kaum, suku, dan agama.

Hal ini berdasarkan oleh beberapa faktor, antaranya; manhaj sederhana lebih sesuai dengan kondisi Indonesia, pendekatan *fiqh al-Muqāranah* yang di kenalkan oleh al-Qaraḏāwī sesuai untuk membahas isu politik di Indonesia, dan buku-buku al-Qaradawi telah banyak diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia sehingga memudahkan orang untuk merujuk kepadanya.

Penulis juga mendapatkan beberapa penekanan penting yang terkandung dalam kajian ini dan boleh menjadi penguat bukti adanya pengaruh tersebut, iaitu;

- i. Terjadinya proses Islamisasi di Indonesia pada awal 1980an hingga reformasi 1998 samaada di sektor sosio-kultural ataupun politik tidak lepas daripada pengaruh pemikiran ulama Timur Tengah.
- ii. PKS adalah di antara parti Islam yang banyak mengadaptasi pemikiran ulama timur tengah, samaada ketika ia masih berbentuk gerakan dakwah tarbiyah ataupun setelah mentransformasikan diri menjadi parti politik.
- iii. Yusuf al-Qaraḏāwī adalah di antara ulama zaman ini yang banyak menyumbangkan pemikiran politik Islam dan fatwa-fatwa yang berhubungkait dengannya. Pemikiran dan fatwa-fatwa politik tersebut banyak diserap oleh DSP PKS sebagai bahan rujukan.

5.2 Cadangan

- i. Dari hasil kajian ini, penulis menilai bahwa fatwa al-Qaraḍāwī merupakan sebuah pemikiran dan metodologi yang boleh digunakan dan sesuai pada hari ini. Kajian mengenai politik Islam boleh dikembangkan lebih luas lagi oleh para sarjana muslim, ulama, pemikir, pengkaji dan termasuk lembaga fatwa DSP PKS agar ianya terus bersesuaian dengan keadaan tempat dan keadaan zaman.
- ii. Sebagai sebuah lembaga fatwa dalam sebuah parti Islam, DSP tidak cukup hanya mengkaji rujukan daripada pelbagai ulama fiqh baik klasik ataupun kontemporari, justeru DSP patut turut membaca pemikiran politik yang berasal dari pemikiran sarjana semasa. Hal ini amat diperlukan agar fatwa-fatwa berkaitan politik DSP tidak keluar dari konteks permasalahan.
- iii. Selain itu, DSP juga mesti mempelajari lebih dalam lagi perkembangan sosio-budaya dan politik yang terjadi di tengah-tengah masyarakat, agar fatwa-fatwa politik DSP sesuai dan relevan dengan permasalahan yang ada.